

Malaysia mahu dapat pandangan Asean

Kabinet bincang isu negara jiran minggu depan: Abdullah

Daripada M Thillinadan

NEW YORK: Kabinet akan berbincang minggu depan berhubung soal pengiktirafan kerajaan baru Thailand berikutan penubuhan Majlis Pembaharuan Pentadbiran diketuai Panglima Tenteranya, Jeneral Sondhi Boonyaratglin, selepas rampasan kuasa, tiga hari lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata beliau akan membawa perkara itu untuk perhatian Jemaah Menteri kerana ia membabitkan isu besar.

"Malaysia juga perlu mendapatkan pandangan negara Asean. Sudah tentu Asean mahu satu kepastian mengenai keadaan di negara itu. Kita juga kena lihat reaksi rakyat Thai

dan Raja Thailand terhadap rampasan kuasa itu serta sama ada ia mendapat sokongan mereka.

"Kita difahamkan pihak melakukan rampasan kuasa itu sudah menghadap Raja Thai dan mendapat restu kerana bagi rakyat Thailand, raja diletakkan di kedudukan sangat tinggi dan pendapat baginda muktamad,"

Kita mengambil langkah perlu menghadapi sebarang kemungkinan"

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

katanya pada sidang media bersama wartawan Malaysia di sini, semalam.

Abdullah yang berucap pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke-61, turut ditemuramah *BBC World*, kebanyakannya berkisar mengenai perkembangan di Thailand,

Ditanya kemungkinan perkembangan politik di Thailand mengakibatkan krisis kewangan seperti 1996 berikutan kejatuhan pasaran saham di beberapa bursa utama di Asia sula ketidaktentuan di negara itu, Abdullah yakin itu tidak berlaku.

"Bagaimanapun, kita akan mengambil langkah perlu untuk menghadapi sebarang kemungkinan khususnya jika keadaan menjadi teruk sehingga memberi kesan kepada saham serantau.

"Selain itu, kita memperketatkan kawalan di sempadan negara (bagi menghalang kemasukan penduduk Thai yang melarikan diri ke Malaysia)" katanya yang berlepas ke London malam tadi dan dijadual pulang ke Kuala Lumpur, esok.

Pada hari terakhir beliau di sini, Perdana Menteri mengadakan perbincangan dengan Presiden Palestih, Mahmoud Abbas; Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Ekmeleddin Ihsanoglu; Presiden Sesi ke-61 PBB, Haya Rashed Al-Khalifa; Presiden Kesatuan Comoro, Ahmed Abdallah Mohamed Sambi dan Presiden Republik Maldives, Maumoon Abdul Gayoom, selain menghadiri jamuan tengah hari yang dihos Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki.